

SET 6 : PROGRAM POS35

Cikgu Arbee Rose

SOALAN 3 : PENYUNTINGAN

Dalam **Petikan 1**, terdapat **enam** kesalahan bahasa, manakala **Petikan 2** mengandungi **tujuh** kesalahan bahasa. **Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut**. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan.

Petikan 1

Skrip drama berbeza dari novel dan cerpen. Dalam dua genre ini, situasi serta latar bagi peristiwa yang berlaku akan dijelaskan secara rinci kepada pembaca. Dalam skrip drama pula, pembaca hanya akan diberikan gambaran umum tentang situasi latar atau tempat. Skrip drama dialog gerakkan. Mesej dan pemikiran pengarang disampaikan melalui dialog watak-watak yang berintraksi dalam drama. Skrip drama yang baik akan dapat memberi gambaran yang jelas tentang pemikiran pengarang melalui unsur-unsur dramatik dalam dialog. Drama yang baik juga harus mempunyai unsur ketegangan, terkejut dan seharusnya mampu menimbulkan rasa ingin tahun penonton.

[6 markah]

Petikan 2

Sastera adalah ciptaan seni yang disampaikan dengan menggunakan bahasa yang indah secara lisan mahu pun tulisan. Melalui bahasa yang indah, penulis menyampaikan buah fikiran dan meluahkan perasaan, sekaligus menggambarkan ketinggian budaya sesuatu masyarakat. Oleh itu, kepentingan kesusasteraan Melayu dalam dunia pelajaran kini wajar direncanakan penggunaannya secara berkesan. Kesusasteraan Melayu penting dalam membina ketrampilan berfikir, memancarkan kilauan bahasa daripada tutur bicara, dan mendidik murid menghayati pelbagai-bagai nilai tentang manusia dan duniawi yang tidak seharusnya masyarakat meminggirkan.

[7 markah]

<u>Baris</u>	<u>Petikan 1</u>	<u>Baris</u>	<u>Petikan 2</u>
1		1	
4		2	
5		3	
7		4	
		5	
		6	
		7	

SOALAN 5 : PERIBAHASA

*Baca dialog di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan **peribahasa** yang sesuai bagi mengisi tempat kosong dalam dialog tersebut.*

Ayah : Syafik, jagalah diri baik-baik ketika di rantau orang. Di sana nanti, sesuaikan diri dengan budaya dan adat resam mereka. Ikutlah nasihat orang tua-tua, iaitu _____(i)_____

Syafik : Terima kasih ayah. Saya akan sematkan nasihat ayah itu dalam hati saya.

Ayah : Di luar negara nanti ayah berharap Syafik belajarlah rajin-rajin. Setelah berjaya kelak, berkhidmatlah kepada negara ini kerana kerajaan memerlukan tenaga muda untuk membangunkan negara, bak kata peribahasa _____(ii)_____

Syafik : Saya tidak akan lupa akan nasihat ayah itu.

Ayah : Satu lagi, jika ada peluang, jelajahilah negara orang dan timbalah pengalaman sebanyak-banyaknya kerana _____(iii)_____